

Forum pembuka langkah wujudkan Secretariat Tetap Keamanan di Malaysia

PUTRAJAYA 23 Nov. - Forum Keamanan Sejagat Perdana 2005 yang dijadual berlangsung di Kuala Lumpur dari 15 hingga 17 Disember ini akan menjadi pembuka langkah ke arah pengwujudan sekretariat tetap keamanan di Malaysia.

Sekretariat yang dicadang ditempatkan di Yayasan Kepimpinan Perdana (PLF) di sini antara lain akan bertanggungjawab melaksanakan usaha-usaha mempromosi keamanan menerusi forum dan seminar yang bakal dianjurkan sepanjang tahun menjelang persidangan keamanan berikutnya.

Bekas Perdana Menteri yang juga Presiden Kehormat PLF, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, cadangan mewujudkan sekretariat tetap itu membuktikan kesungguhan Malaysia untuk terus memainkan peranan aktif dan berterusan memperjuangkan agenda keamanan dunia.

"Ini kerana kita melihat Forum Perdana Keamanan Sejagat 2005 sebagai permulaan kepada kempen berpanjangan dan aktif dalam menarik penglibatan semua negara, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pelbagai pihak untuk mempromosikan keamanan," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Forum berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan cek tajaan untuk penganjuran forum tersebut di PLF hari ini.

Lebih RM2 juta dalam bentuk tunai dan barangan disumbangkan oleh pelbagai pihak untuk menjayakan forum tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu dengan penaja utama seperti Kumpulan Ambank, Berjaya Corporation Berhad, Country Heights Holdings Berhad, Kumpulan Sapura, Kumpulan Sunway dan Sri Inderajaya Holdings Sdn. Bhd.

"Sehingga kini banyak pihak menunjukkan minat untuk turut serta termasuk pemenang hadiah Nobel dan mereka yang menonjol dalam memperjuangkan keamanan dunia," kata Dr. Mahathir.

Antara yang akan menyampaikan ucapan pada forum itu ialah bekas Perdana Menteri Australia, Bob Hawke; Ahli Parlimen United Kingdom, George Galloway; bekas Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Denis J. Halliday; Presiden Institut Dasar dan Penyelidikan Nuklear (NPRI), Dr. Helen Cal-

dicott dan penulis terkenal dari Britain, Tariq Ali.

Forum itu juga mendapat sokongan padu kerajaan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual memberi ucap tama. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Dr. Mahathir sendiri merupakan antara penceramahnya.

Sebarang maklumat mengenai forum itu boleh didapati di laman web www.perdana.4peace.org.